

1976

SHAH ALAM, 13 DIS (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MASA DEPAN ORANG MELAYU BERGANTUNG KEPADA PERUBAHAN SIKAP YANG POSITIF SERTA PENGUASAAN ILMU PENGETAHUAN ATAU PELAJARAN OLEH ANAK-ANAK MEREKA.

KATANYA, DI SEMUA BIDANG MEREKA PERLU MEMPUNYAI SKAP YANG BETUL ATAU POSITIF YANG AKAN MEMBERI DORONGAN KEPADA USAHA-USAHA BAGI MENCAPAI MATLAMAT.

DALAM UCAPAN MERASMIKAN SEMINAR KELAS BIMBINGAN DAN KEPIMPINAN GABUNGAN PELAJAR-PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS) DISINI HARI INI, BELIAU BERKATA: +KITA BERSYUKUR PADA HARI INI SUDAH RAMAI ANAK-ANAK MELAYU TELAH MAJU DALAM PELAJARAN DAN MENJADI PEMIMPIN MASYARAKAT.+

DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN, MENAMBAH MASYARAKAT MODEN PERLUKAN PAKAR-PEKAR TEKNOLOGI, AKUANTAN, JURUTERA, JURU UKUR, DOKTOR, PEGUAM, AKITEK DAN PENTADBIR-PENTADBIR KERAJAAN YANG CEKAP, BERDEDIKASI, JUJUR, BERDISIPLIN BERAKHLAK DAN TINGGI BUDI.

UCAPAN BELIAU TELAH DISAMPAIKAN OLEH KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELAJARAN, DATUK ABDUL KADIR TALIB. -- BERSAMBUNG
1135/ZCM

££

B505

MAHATHIR-GPMS 2 SHAH ALAM

MENURUT BELIAU, ORANG-ORANG MELAYU MASIH KEKURANGAN TENAGA YANG BERKELAYAKAN DI BIDANG-BIDANG ITU.

DR. MAHATHIR BERKATA RAMAI MURID-MURID MELAYU YANG MENGHADAPI KELEMAHAN DALAM PELAJARAN TERUTAMANYA DALAM MATA PELAJARAN ILMU HISAB, ILMU SAINS DAN BAHASA INGGERIS.

SEGALA USAHA HENDAKLAH DIJALANKAN UNTUK MENOLONG MEREKA YANG LEMAH SUPAYA NASIB MEREKA ITU TIDAK MENJADI BEGITU TERBIAR DAN BURUK.

KATANYA, KERAJAAN MEMPERUNTUKKAN \$1,395,791,400 BAGI TAHUN DEPAN UNTUK BELANJA MENGURUS IAITU TERMASUK PEMBAYARAN GAJI GURU-GURU DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN PELAJARAN DAN \$374,152,574 UNTUK BELANJA PEMBANGUNAN IAITU UNTUK MENGADAKAN SEKOLAH-SEKOLAH BARU, MENGGANTI SEKOLAH LAMA ATAU MENAMBAH BILIK-BILIK DARJAH.

TAMBAH BELIAU, USAHA YANG DIJALANKAN OLEH GPMS UNTUK MENGADAKAN KELAS-KELAS BIMBINGAN MENKKAJI CARA-CARA AGAR KELAS-KELAS ITU DAPAT BERJALAN DENGAN BERKESAN PATUT MENERIMA PUJIAN.
-- BERSAMBUNG 1055 /SZ

££

B506

MAHATHIR-GPMS 3 SHAH ALAM

+PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH GPMS INI MERUPAKAN SALAH SATU USAHA YANG MENOLONG MASYARAKAT MELAYU DAN KERAJAAN MENINGKATKAN LAGI MUTU PELAJARAN DAN SETERUSNYA TARAF HIDUP ORANG-ORANG MELAYU + TAMBAHNYA.

MENGENAI PERANAN GPMS, DR. MAHATHIR BERKATA TOROH-TOKOH LAMANYA YANG BERJUANG DAHULU TELAH MENCAPAI HASIL YANG PEGAR.

BELIAU BERHARAP GPMS PADA MASA INI JUGA AKAN DAPAT BERGIAT MENGIKUT ATURAN PERATURAN DAN PERUNDANGAN NEGARA YANG DITERIMA DAN DIAMALKAN OLEH MASYARAKAT NEGARA INI.

KATANYA, ATAS DASAR BERGIAT DAN BERTINDAK DENGAN MEMAHAMI
MATLAMAT, MENYEDARI TENTANG MASALAH DAN RINTANGAN DAN BERUSAHA
DAN BERJUANG UNTUK MENGATASI MASALAH DAN MENCAPAI MATLAMAT,
GPMS AKAN MENCIPTA LEBIH BANYAK KEJAYAAN YANG GEMILANG PADA MASA
HADAPAN. -- BERNAMA 1100/SZ

172
~~176~~

**B507:
PEMBETULAN SEGERA 'R' 'R'**

BERITA B504 (MAHATHIR-GPMS) PARA TIGA HARAP BACA:

DALAM UCAPAN MERESMIKAN SEMINAR KELAS BIMBINGAN DAN KEPIMPINAN GABUNGAN PELAJAR-PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS) DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA: +KITA BERSYUKUR PADA HARI INI SUDAH RAMAI ANAK-ANAK MELAYU TELAH MAJU DALAM PELAJARAN DAN MENJADI PEMIMPIN MASYARAKAT.+

HARAP TAMBAH SATU PARA LAGI. UCAPAN BELIAU TELAH DISAMPAIKAN OLEH KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELAJARAN, DATUK ABDUL KADIR TALIB.

TERDAHULU, PRESIDEN GPMS ENCIK AHMAD FAIZ HAMID BERKATA GPMS AKAN TERUS MENGADAKAN CERAMAH TEKNIK MENJAWAB PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA DAN SIJIL PELAJARAN TINGGI DI SEKOLAH-SEKOLAH DI KAWASAN LUAR BANDAR, TERUTAMA SEKALI KEPADA MURID-MURID DI ALIRAN SAINS.

CERAMAH-CERAMAH INI AKAN DIADAKAN LEBIH AWAL LAGI IAITU PADA BULAN JULAI DAN OGOS TAHUN HADAPAN.

+GPMS SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN MANA-MANA BADAN KERANA GPMS MEMERLUKAN SOKONGAN MATERIAL,+ KATA BELIAU.

SELAIN DARI ITU, ENCIK FAIZ BERKATA GPMS AKAN JUCA MENGIKHTUPKAN SEMULA +GERAKAN OBOR+ YANG PERNAH DILANCARKAN PADA JANUARI 1964 PADA CUTI PANJANG UNTUK MENKKAJI ANTARA LAIN MASALAH PONTENG DAN USAHA-USAHA MENGATASINYA DAN CERAMAH BIMBINGAN KERJAYA DAN PELUANG MELANJUTKAN PELAJARAN KE INSTITUSI PELAJARAN TINGGI.

GPMS AKAN JUGA MELANCARKAN +KOPERATIF SERBAGUNA GPMS+ UNTUK MENGLIBATKAN AHLI-AHLINYA DI BIDANG PERNIAGAAN.

SEMINAR LIMA HARI ITU DIHADIRI OLEH 150 ORANG AHLI GPMS DARI SEMENANJUNG. -- BERNAMA 1200/ZGM